

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 06.02.2025 MASA: 04.45PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

FOREST BATHING SIRI 1 DAN PENANAMAN POKOK
BAKAU SEMPENA SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAB
SEDUNIA (*WORLD WETLAND DAY*) 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT

**8 FEBRUARI 2025 (SABTU)
8:00 PAGI**

**SUNGAI CHENAAM, NIBONG TEBAL
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB Dato' Haji Rashidi Bin Zinol

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan
Dan Luar Bandar Merangkap ADUN Sungai Aceh

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan LAr. Shaqhrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin

Pengarah Landskap Merangkap Penyelaras
Program *Forest Bathing* Siri 1 Dan Penanaman Pokok Bakau
Sempena Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini dalam program ***Forest Bathing Siri 1 Dan Penanaman Pokok Bakau Sempena Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia (World Wetland Day) 2025.***
2. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Hj Rashidi Bin Zinol; EXCO Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan Dan Luar Bandar merangkap ADUN Sungai Acheh, atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa bagi merasmikan program ini.
3. Tidak lupa juga, terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan program pada pagi ini.
4. Program *Forest Bathing* yang diperkenalkan di Seberang Perai ini selaras dengan pelaksanaan strategik Gaya Hidup Sihat dalam Pelan Strategik Seberang Perai Tahun 2023 – 2030 serta seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri iaitu, *Penang 2030: "A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation."*

5. Konsep *Forest Bathing* atau *Shinrin-yoku* yang berasal dari Jepun telah terbukti memberi pelbagai manfaat kesihatan, baik dari segi fizikal mahupun mental. Walaupun konsep ini belum begitu dikenali di negara kita, ia sebenarnya sejajar dengan aktiviti ekopelancongan yang sudah lama diamalkan, seperti mendaki hutan, menerokai flora dan fauna, serta bersiar-siar di taman rekreasi. Ketenangan yang diperoleh daripada kehijauan alam mampu meningkatkan kesejahteraan mental, mengurangkan tekanan dan memperbaiki kualiti hidup.
6. Program *forest bathing* ini telah mula diperkenalkan di Seberang Perai sejak tahun 2017 dan terus dilaksanakan sehingga kini kerana ia bersifat *people-centric*, melibatkan komuniti setempat dan mengambil kira pelbagai lapisan umur melalui pendekatan *Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB)*. Dengan penglibatan aktif daripada komuniti, program *forest bathing* ini bukan sahaja memberi manfaat kesihatan tetapi juga memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.
7. Hari ini, program *Forest Bathing* ini diadakan bersempena dengan Hari Tanah Lembap Sedunia, yang disambut pada 2 Februari setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara ekosistem tanah lembap. Sambutan ini juga bersempena dengan ulang tahun penubuhan Konvensyen Ramsar, di mana Malaysia telah menjadi ahli sejak 10 Mac 1995. Ekosistem tanah lembap

merangkumi tanah gambut, paya bakau, sungai, tasik dan pesisiran pantai yang menjadi habitat penting bagi pelbagai spesies flora dan fauna, terutamanya burung yang bermigrasi.

8. Sehubungan itu, pada hari ini, MBSP mengambil inisiatif untuk menanam 500 batang pokok bakau minyak (*Rhizophora Apiculata*) di kawasan bakau berhampiran Sungai Chenaam. Aktiviti ini bukan sahaja menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar tetapi juga berperanan dalam mengekalkan kestabilan ekosistem dan mengurangkan impak perubahan iklim.
9. Pelaksanaan program *forest bathing* ini adalah manifestasi sokongan Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam menjadikan Seberang Perai **Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar**. Selain meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar, program *forest bathing* ini juga mengukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan komuniti, menggalakkan interaksi sosial yang sihat serta memupuk budaya cintakan alam sekitar.
10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan program *forest bathing* ini.
11. Akhir kata, semoga usaha kita bersama dalam memelihara khazanah alam ini akan terus diberkati dan memberi manfaat kepada generasi masa depan.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***